

12 kata bijak, inspirasi Kongres Ekaristi Kebangsaan

INDIANAPOLIS, Amerika Syarikat: Lebih 50,000 umat Katolik baru-baru ini berkumpul di Stadium Lucas Oil dan Pusat Konvensyen Indiana di Indianapolis untuk Kongres Ekaristi Kebangsaan dari Julai 17–21.

Kongres itu, acara pertama seumpamanya yang diadakan di Amerika Syarikat dalam tempoh 80 tahun, merupakan kemuncak inisiatif “Kebangkitan Ekaristi” oleh uskup Katolik A.S.

Acara raksasa ini bertujuan untuk memupuk kepercayaan yang lebih mendalam dalam kalangan umat beriman, demi mengabdi, menghormati serta menyanjungi Ekaristi kudus iaitu Tubuh dan Darah Yesus.

Kongres ini diisi dengan Misa, pengakuan, pujian dan penyembahan, adorasi dan katekesis yang disampaikan oleh sejumlah besar orator, penceramah, podcaster dan pempengaruh terkenal Katolik, termasuk Uskup Robert Barron, Jonathan Roumie, Fr Mike Schmitz, Mother Olga dari kongregasi *Daughters of Mary of Nazareth*, Sr Bethany Madonna dan ramai lagi.

Program bersejarah itu dimulakan dengan prosesi besar-besaran di pusat kota Indianapolis dan telah berakhir pada Julai 21, dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Kardinal Antonio Tagle, utusan khas Sri Paus Fransiskus ke kongres tersebut. Misa Kudus penutup itu dihadiri lebih 60,000 umat.

Berikut ialah 12 petikan kata-kata bijak dan inspirasi yang bergema sepanjang Kongres Kebangsaan Ekaristi:

1. “Pengetahuan boleh membuatkan seseorang hebat; tetapi hanya kasih yang menjadikan anda seorang santo — *Fr Mike Schmitz*
2. “Agama Kristian bukan untuk kita sahaja. Agama Kristian bukan program yang membantu peribadi atau sesuatu yang direka agar anda berasa selesa. Agama Kristian ialah untuk dunia. — *Uskup Robert Barron*
3. “Ekaristi bagi saya ialah penyembuhan. Ekaristi bagi saya ialah kedamaian. Ekaristi bagi saya ialah asas saya. Ekaristi bagi saya ialah hati-Nya ... di dalam saya.” — *Jonathan Roumie*



Kongres Ekaristi A.S dimulakan dengan perarakan raksasa membawa monstran Ekaristi di jalan-jalan utama kota Indianapolis serta disaksikan lebih 50,000 umat. (Gambar: CNA)

4. Tuhan tidak akan letih kerana anda. Dia mengasihi anda dan tidak ada yang dapat menghalang-Nya. — *Sr Miriam James Heidland*
 5. Selepas kongres ini, berikut ialah yang perlu kita nyatakan: Tidak ada kegelapan yang besar kerana kita mempunyai cahaya Ekaristi. Tidak ada dosa yang besar yang tidak dapat dikalahkan oleh Ekaristi yang penuh belas kasihan.” — *Mother Adela Galindo*
 6. Kita mempunyai Dia dan tiada siapa boleh merampas-Nya daripada kita.” — *Mother Olga of the Sacred Heart*.
 7. Kasih Tuhan telah dicurahkan ke dalam hati kita dan kebaikan Tuhanlah yang membawa kita kepada pertobatan yang memberi kehidupan.” — *Sr Bethany Madonna*
 8. Anda tidak akan dapat mengalami kebangkitan tanpa pertobatan.” — *Fr Mike Schmitz*
 9. Dia telah membuat janji itu benar, agar kita dapat menjadi orang yang bertaubat dengan berani dan gembira. Ini sungguh bercanggah dengan orang yang berkata ‘Saya rosak dan saya berdosa’ berbanding dengan orang yang berkata “saya gembira dan saya berharap.” — *Sr Josephine Garrett*
 10. Sudah tiba masanya untuk umat Katolik berhenti berusaha untuk hidup untuk Tuhan. Sebaliknya kita harus mula hidup bersumber daripada Dia. Tubuh dan darah Tuhan ialah sumber kehidupan kita. Jadi marilah kita makan dan minum Tubuh dan Darah-Nya setiap hari, kemudian mari kita bergegas keluar ke dunia yang kelaparan dan memberitahu semua orang: Wahai orang-orang yang kelaparan, dengar! Kami telah menemui tempat makanan untuk memuaskan rohani itu!” — *Monsignor James Shea*
 11. Mereka yang memilih untuk tinggal bersama Yesus akan diutus oleh Yesus ... Marilah kita pergi untuk memberitakan Yesus dengan penuh semangat dan sukacita untuk kehidupan dunia.” — *Kardinal Luis Antonio Tagle*
 12. “Saudara dan saudari, kami percaya bahawa Tuhan ingin memperbaharui Gereja-Nya dan bahawa pembaharuan ini akan berlaku melalui anda. Dan dalam memperbaharui Gereja-Nya, Dia akan memperbaharui dunia.” — *Uskup Andrew Cozzens*
- Pada akhir Misa, pengumuman daripada Uskup Andrew Cozzens mendapat tepukan gemuruh bahawa para uskup A.S. merancang untuk mengadakan satu lagi Kongres Ekaristi Kebangsaan pada 2033, yang meraikan 2,000 tahun sejak penyaliban Yesus. — *CNA/media Vatikan*

Kepercayaan ilusi yang menghalang kita daripada berkembang

Salah satu tragedi besar dalam semua kejadian kisah alkitabiah ialah Saul. Tragedi Saul lebih dahsyat daripada Hamlet.

Hamlet, sekurang-kurangnya, mempunyai sebab yang kukuh atas bencana yang menimpanya. Manakala Saul, yang pada mulanya sangat berbakat, seharusnya menjadi lebih matang dan jauh lebih baik.

Kisahnya bermula dengan pengumuman bahawa di seluruh Israel bahawa tidak ada yang setanding, setinggi, sekutu, sebaik Saul. Hanya Saul yang layak untuk semua pujian.

Beliau seorang pemimpin semulajadi, putera raja di kalangan rakan sebaya, wataknya yang luar biasa diakui dan dicanang oleh rakyat. Permulaan ceritanya sangat indah seperti cerita dongeng. Namun hanya seketika.

Pada suatu ketika, keadaan mula menjadi "gelap". Permulaan rasa cemburu dan berasa dirinya tergugat dengan kehadiran Daud, seorang pemuda yang lebih muda, lebih kakak, lebih berbakat dan lebih terkenal.

Rasa iri hati, marah, tidak puas hati dan dendki perlahan-lahan meracuni jiwa Saul.

Melihat Daud, dia hanya melihat populariti Daud yang melampaui dirinya sendiri, bukan kebaikan Daud dan tidak merenung mengapa serta bagaimana kebaikan itu boleh menjadi hadiah dan kegembiraan bagi ramai orang.

Saul berubah menjadi seorang yang pemarah, iri hati, dingin serta cuba membunuh Daud tetapi Saul akhirnya mati akibat perbuatannya sendiri. Saul, seorang lelaki baik semasa muda, berubah menjadi lelaki pemarah dan jahat.

Apa yang berlaku pada Saul? Bagaimanakah seseorang yang mempunyai banyak kebaikan, bakat, kuasa dan berkat, bertukar menjadi seorang yang pemarah dan berhasad dengan

sehingga dirinya terbunuh akibat perbuatan sendiri? Bagaimana ini berlaku?

Mendiang Margaret Laurence, dalam novelnya yang agak berani dan bijak, *The Stone Angel*, memberi kita penerangan yang menarik tentang bagaimana seorang yang baik seperti Saul, berubah menjadi jahat.

Dalam novel itu, Margaret Laurence menampilkkan watak utama, Hagar Shipley, yang agak mirip dengan kisah Saul dalam Perjanjian Lama.

Kisah Hagar bermula seperti Saul: Semasa muda, dia sangat baik dan penuh potensi. Apa yang terjadi dengan wanita muda yang cantik, berkulit cerah, berbakat dan muda itu?

Malangnya, tidak banyak yang menggembirakan. Hagar hanyut dalam segala hal: semasa meniti usia dewasa, perkawinan yang tidak bahagi, dan menghadapi kekecewaan mendalam yang tidak disedarinya. Tanpa menyedari, Hagar menjadi seorang yang selamba, dingin, tidak peduli, tanpa tenaga atau cita-cita.

Apa yang menyediakan ialah dia tidak menyedari perkara yang telah mengubah fizikal dan kerohanianya.

Lebih malang lagi, Hagar sentiasa berfikir bahawa dia masih seorang gadis muda, baik, peramah, popular, menarik seperti semasa di sekolah menengah.

Dia tidak perasan betapa kecilnya dunianya, betapa sedikitnya kawan-kawan di sekelilingnya, betapa sedikitnya dia mengagumi apa-apa atau sesiapa sahaja bahkan betapa dia telah membiarkan dirinya menjadi kucar-kacir secara fizikal.

Tetapi, Hagar disedarkan dengan realiti ini. Tetapi kesedaran itu berlaku dengan tiba-tiba dan kejam.

Pada suatu hari semasa musim sejuk, dengan berpakaian lusuh, dia membunyikan loceng pintu rumah tempat dia selalu menghantar telur.

Seorang anak kecil membuka pintu, melihat Hagar dan kanak-kanak itu berlari mendapatkan ibunya. Hagar terdengar kata-kata kanak-kanak itu, "Ibu, wanita tua yang mengerikan itu ada di depan pintu!" Hagar sangat terkejut!

Terkedua, dia meninggalkan rumah dan menuju ke bilik mandi awam di mana dia memasang semua lampu dan meneliti wajahnya di cermin.

Dari cermin, Hagar melihat wajah seseorang yang tidak dikenalinya, seseorang yang menyediakan bertentangan dengan apa yang dibayangkan tentang dirinya.

Dia melihat dialah wanita tua penghantar telur yang mengerikan yang dilihat oleh kanak-kanak tadi.


Keadaannya sangat jauh berbeza semasa dia masih muda, peramah, menarik, berjiwa besar dan dia masih mengingati bahawa dia masih cantik seperti dulu.

Bagaimana ini boleh berlaku? Hagar bertanya kepada dirinya sendiri.

Bagaimanakah kita, yang jarang perasan akan "kegelapan" jiwa kita sendiri, menyedari bahawa kita tidak sebaik dahulu malah menjadi seseorang yang tidak kita kenali?

Ini boleh berlaku kepada kita semua. Bukan mudah untuk menerima dan melihat golongan muda mengambil alih, menerima populariti dan pujian yang pernah menjadi milik kita.

Seperti Saul, kita boleh dengan mudah dipenuhi dengan kecemburuan dan kemarahan yang membabi buta dan seperti Hagar, kita tidak menyedari diri kita semakin hilang cahaya. Tetapi hal ini dapat dilihat oleh orang



lain.

Tetapi semasa hal ini berlaku, mungkin kita kekal sebagai orang yang baik dan pemurah, kecuali kita lebih simis, celupar dan menghakimi, berbanding dahulu.

Kita tetap orang yang baik, tetapi terlalu banyak merungut, terlalu banyak penyesalan diri sendiri, lebih mengutuk berbanding membekati mereka yang telah mengantikan kita, yang muda, popular dan istimewa.

Oleh sebab itu, salah satu tugas utama manusia dan kerohanian ialah, pada tahap separuh kedua kehidupan, adalah tepat untuk mengenali sifat-sifat cemburu, keburukan dan kejahatan dalam diri kita dan kembali semula kepada cinta dan kesegaran masa muda kita, untuk mengalami kenaifan peringkat kedua dan untuk memulakan sekali, memberi atau memandang orang lain, terutamanya yang muda, pandangan kekaguman.

Pada permulaan Kitab Wahyu, penulis menulis sabda Tuhan yang memberi nasihat ini untuk kita, terutama bagi kita yang berada di luar garis masa kemudahan: "Aku telah melihat betapa kerasnya kamu bekerja. Aku mengiktiraf kemurahan hati anda dan semua kerja baik yang anda lakukan."

Tetapi Aku menentang kalian yang mempunyai kurang kasih sayang dalam diri anda sekarang berbanding semasa anda masih muda! Lihatlah kembali, di mana anda telah jatuh!"

Lebih baik kita mendengar nasihat ini dari Kitab Suci sebelum kita mendengarnya darpada seorang kanak-kanak yang memberitahu ibunya bahawa ada orang tua yang jahat, hodoh dan tua ada di depan pintu! — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

Roti yang ditawarkan oleh Yesus adalah hidup, bersifat abadi

Injil pada minggu lalu, Yohanes menceritakan tentang mukjizat penggandaan roti.

Pada hari Minggu ini pula, Yesus berkata: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya kamu mencari Aku, bukan kerana kamu telah melihat tanda-tanda, melainkan kerana kamu telah makan roti itu dan kamu kenyang. Bekerjalah, bukan untuk makanan yang dapat binasa, melainkan untuk makanan, yang bertahan sampai kepada hidup yang kekal, yang akan diberikan Anak Manusia kepadamu" (Yoh 6:26-27).

Maka orang ramai itu bertanya, "Apakah yang harus kami perbuat supaya kami melakukan pekerjaan yang dikehendaki Tuhan?" (ay.28).

Jawaban Yesus: "Inilah pekerjaan yang dikehendaki Tuhan iaitu hendaklah kamu percaya kepada Dia, yang telah diutus Tuhan" (ay.29).

Yesus mengajak setiap orang supaya percaya kepada Anak Manusia, iaitu Yesus, sebagai pemberi roti yang tidak akan punah. Tanpa iman atau kepercayaan kepada Dia, yang diutus oleh Bapa itu, orang tidak akan mampu mengakui dan menerima anugerah yang begitu berharga dan

tidak akan musnah.

Penggandaan roti yang telah mereka saksikan sebelumnya ternyata tidak mampu menimbulkan iman yang diharapkan oleh Yesus.

Maka mereka minta tanda baru lagi, seperti dahulu diharapkan oleh nenek moyang mereka, iaitu makanan *manna* ketika mereka berada di padang gurun.

Padahal Yesus menghendaki agar mereka bukan hanya minta lagi roti makanan sehari-hari untuk menghilangkan rasa lapar, melainkan roti jenis lain, iaitu roti dari syurga.

Bukan roti yang diberikan oleh Musa, melainkan roti dari Tuhan di syurga (Yoh 6:32-33).

Dalam diri setiap orang, selalu ada rasa lapar fizikal tetapi juga ada rasa lapar lain, yang bersifat rohani dan tidak dapat diperisi dengan makanan biasa.

Ada juga orang yang mempunyai kelaparan akan kehidupan yang kekal, kelaparan akan Tuhan. Seperti *manna* yang dimakan oleh nenek moyang bangsa Israel di padang gunung, mahupun roti yang diperbanyak oleh Yesus, merupakan suatu tanda keperluan seorang Almasih, iaitu

kedatangan Kristus, yang akan memenuhi rasa lapar manusia akan hidup abadi.

Dalam erti inilah Yesus berkata: "Aku adalah roti hidup! Sesiapa datang kepada-Ku, dia tidak akan lapar lagi, dan barangsiapa percaya kepada-Ku, dia tidak akan haus lagi" (Yoh 6:35).

Dalam Injil Yohanes hari ini, patut kita perhatikan, bahawa Yesus tampil, berbicara dan berbuat bukanlah sebagai Musa ataupun nabi lain.

Yesus bukan hanya memberi roti untuk menghilangkan rasa lapar sementara. Dia memberikan kepada kita Roti Sabda Abadi.

Roti Sabda-Nya ini tidak akan musnah, dan selalu tersedia untuk selamanya. Roti dan Sabda Yesus itu adalah satu, iaitu Diri-Nya sendiri! Yesus bersabda tentang roti hidup, dan roti itu adalah Diri-Nya sendiri.

Berkali-kali dengan kata-kata ini Yesus mengundang kita untuk: "datang kepada-Nya" (Yoh 6:35.37), "percaya kepada-Nya" (ay.40), "datang kepada-Ku" (ay.44-45).

Ucapan-ucapan Yesus itu mengundang kita supaya kita menanggapinya secara aktif dengan iman.

Sabda-Nya selalu merupakan suatu san-

HARI MINGGU BIASA KE-18 TAHUN B

KELUARAN 16:2-4.12-15

EFESUS 4:17.20-24

INJIL YOHANES 6:24-35

tapan yang kita perlukan untuk menghidupkan iman kita!

Hanya dengan iman serupa itulah akan terwujudlah kata-kata Yesus ini: "Akulah roti hidup! Sesiapa datang kepada-Ku, ia tidak akan lapar lagi, dan sesiapa percaya kepada-Ku, dia tidak akan haus lagi" (Yoh 6:35).

Kemajuan dunia ini sekarang ini menghambat perhatian dan kepercayaan kita akan hal-hal yang tidak kelihatan. Namun, apakah pesan Injil Yohanes hari ini? Kita diajak bertanya kepada diri kita, Apakah sebenarnya makna hidup keagamaanku sebagai orang Kristian?

Apakah makna kehadiran Yesus dalam Ekaristi sebagai roti hidup di dalam hidupku sebagai orang beriman?

Apakah Ekaristi yang ku terima sebagai roti hidup itu mengubah sikap dan arah hidupku kepada Tuhan mahupun kepada sesamaku? — *Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm*

Liga Wanita Katolik HRL rai ulang tahun penubuhan ke-50

LIMBAHAU, Papar, Sabah: "50 tahun bukanlah satu perjalanan yang singkat namun kamu telah melaluinya dengan penuh dedikasi dan iman yang mendalam. Peranan wanita dalam Gereja tidak dapat dinafikan.

"Lebih-lebih imej seorang wanita sekaligus sentiasa dikaitkan dengan imej seorang ibu, melambangkan cintakasih, persekutuan dan kebersamaan," kata Msgr Nicholas Stephen, paderi paroki Holy Rosary Limbahau, sempena perayaan ulang tahun ke-50 Liga Wanita Katolik paroki Holy Rosary, Limbahau (CWL, HRL) pada Julai 7, 2024.

Msgr Nicholas bersama pembantunya, Fr Joshua Liew, meraikan perayaan Ekaristi bersama anggota dan mantan CWL, HRL yang menggunakan tema pakaian berwarna emas.

CWL, HRL ditubuhkan pada Mei 14, 1974 sempena dengan Hari Ibu pada tahun itu. Bermula daripada kumpulan kecil dan atas usaha serta kegigihan mantan-mantan



pengurus, CWL, HRL kini berkembang dan menjadi salah sebuah badan pelayanan penting hampir setiap stasi luar, sesuai dengan moto pelayanan mereka, "Melayani dengan penuh cintakasih."

Selaras Misa Kudus, para paderi dan ahli CWL, HRL beredara ke dewan untuk majlis kesyukuran.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Fr

Rayner Bisius selaku penasihat rohani komisi Wanita Keuskupan Agung Kota Kinabalu, para religius, ketua penyelaras Liga Wanita Katolik Keuskupan Agung Kota Kinabalu iaitu Pn Anita Tuggolou dan pembimbing rohani CWL, HRL iaitu Sr Jaslia Ramit FSIC.

Uskup Agung John Wong, tidak dapat menghadirkan diri namun menghantar pesan tahniah dan syabas kepada CWL, HRL atas

ulang tahun penubuhannya yang ke-50!

Prelatus itu berpesan, "Perayaan jubli emas ini bukan sahaja merupakan satu kebanggaan kepada semua wanita Katolik yang pernah dan sedang menganggotai badan ini, tetapi ia juga adalah satu tanda kematanan komuniti paroki Limbahau kerana mempunyai satu badan Gereja yang boleh bertahan selama setengah abad."

Acara ekumenikal satukan gereja-gereja Kristian



tarian memuji Tuhan dari *Shekinah Glory Praise*.

Dalam acara itu juga, Uskup Agung Julian menyampaikan renungan Firman

Tuhan. Prelatus itu menyeru para hadirin untuk "Pergi dan jadilah Terang", berkongsi dengan murah hati, menghapuskan kemarahan, kejahatan, dan penindasan.

Kemudian, Fr Xavier Andrew, Penolong Ecclesiastical untuk AMEIA, menyampaikan penerangan singkat tentang keseluruhan aktiviti dan inisiatif AMEIA.

Josephine Tey, dari Pejabat Pembangunan Manusia Keuskupan Agung KL menekankan usaha mereka dalam menggalu-alukan, melindungi, mempromosi, dan mengintegrasikan migran, orang yang berpindah randah dan pelbagai kaum di Keuskupan Agung KL.

Richard Chong dari *Barnabas Aid* menyatakan inisiatif mereka dalam membantu pendatang Kristian dari dalam dan luar negara. Acara ini diakhiri dengan lakonan oleh SKIT dari Gereja Jesus Caritas.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

E-Mel:
liza@herald.com.my

Dosa asal, tidak adil?

Bberapa kritikus berpendapat bahawa hukuman ke atas dosa peribadi, boleh dimengerti, tetapi hukuman terhadap jiwa-jiwa yang meninggal dengan dosa asal, tidak melakukan kesalahan apa pun, tidak dapat diterima. Bukanlah ini tidak adil dan bertentangan dengan Yehezkiel 18:20-21?

Orang yang berbuat dosa, dialah yang harus mati. Anak tidak akan ikut menanggung kesalahan ayahnya dan ayah tidak akan ikut menanggung kesalahan anaknya. Orang benar akan menerima buah kebenarannya, dan orang jahat akan menanggung akibat kejahatannya. Tetapi, apabila orang jahat bertobat dari segala dosa yang dilakukannya dan berpegang pada segala ketetapan-Ku serta melakukan keadilan dan kebenaran, maka dia pasti hidup, dia tidak akan mati (Yehezkiel 18:20-21).

Persoalan ini sebenarnya timbul akibat salah faham tentang doktrin dosa asal.

Dosa asal tidak bererti bahawa seluruh umat manusia telah melakukan dosa yang sama seperti dosa yang dilakukan oleh Adam. Bukan itu yang diajarkan oleh Gereja Katolik.

Dalam ilham Roh Kudus, nabi Yehezkiel menjelaskan bahawa seorang anak tidak dapat dikatakan bersalah atas dosa yang dilakukan oleh ayahnya sendiri. Bahkan, tidak ada orang yang dituduh bersalah atas dosa yang tidak dilakukannya sendiri. Dalam hal Adam, satu-satunya orang yang bersalah atas dosa Adam adalah Adam sendiri.

Dogma Katolik tentang dosa asal tidak

mengajarkan atau menyifatkan bahawa seseorang itu bersalah atas dosa ibu bapanya.

Katekismus Gereja Katolik (KGK) 404 menjelaskan bagaimanakah dosa Adam menjadi dosa semua keturunannya: Tuhan telah menentukan bahawa di dalam Adam, seluruh umat manusia adalah "sebagai satu tubuh dari satu manusia". Melalui "kesatuan umat manusia" ini, semua manusia terlibat dalam dosa Adam, sebagaimana semua terlibat dalam keadilan Kristus.

Namun, penularan dosa asal adalah misteri yang tidak dapat kita fahami sepenuhnya. Tetapi kita tahu melalui kitab Wahyu, Adam telah menerima kekudusan dan keadilan asal bukan untuk dirinya sahaja, tetapi untuk semua sifat manusia.

Tuhan mengkehendaki Adam menjadi ketua umat manusia namun gagal. Maka kegagalannya untuk taat pada Tuhan membawa pengaruh kepada semua keturunannya. Oleh sebab itu, dosa asal Adam adalah dosa yang diterima semua manusia sebagai suatu keadaan dan bukan sebagai perbuatan (*Katekismus Gereja Katolik* 404).

Akibat dosa Adam dan Hawa, seluruh umat manusia, termasuk kita, kehilangan kekudusan dan keadilan. Kita kehilangan rahmat pengudusan dan rahmat khusus.

Dengan kehilangan rahmat pengudusan ketika kita lahir, kita mewarisi hukuman atas dosa asal, yang tidak akan terjadi seandainya Adam tidak jatuh ke dalam dosa.

Dosa asal, walaupun tidak secara total merosak-

kan sifat semulajadi manusia, tetapi melukai sifat semulajadi manusia yang dicipta menurut gambar Tuhan.

Istilah "hukuman" dalam dokumen-dokumen Gereja seperti *Nequaquam sine dolore* oleh Sri Paus Yohanes XXII dan *Laetentur Caeli* oleh Sri Paus Urban IV juga telah mengelirukan bagi sebagian orang.

Namun, yang dimaksud oleh Gereja dengan "hukuman" adalah fakta bahawa ada pelbagai bentuk penderitaan dan kelemahan yang menimpakan hidupan anak-anak manusia yang tidak melakukan dosa. "Hukuman" yang dimaksudkan ialah akibat dosa atau kesalahan orang tua mereka.

Namun, bukan bererti bahawa anak itu bersalah atas dosa-dosa ibu bapanya tetapi anak-anak sering terkena atau mendapat kesan dosa akibat kesalahan ibu bapanya. Contohnya, penggunaan kokain atau merokok oleh ibu hamil boleh memberi kesan buruk terhadap bayinya.


Dalam hal ini, bayi itu jelas tidak bersalah tetapi mereka telah terkena kesan dosa atau kesalahan ibu bapanya.

Apakah semua orang bersalah kerana dosa Adam? Tidak. Tetapi apakah semua manusia menderita akibat dosa Adam? Ya, sudah tentu!

Oleh sebab itu, Tuhan Yesus telah mewujudkan Sakramen Pembaptisan untuk mengembalikan manusia kepada keadaan rahmat, yang telah hilang akibat dosa asal tersebut. — *Katolisitas, Catholic.com*


Sahabat Kecil Yesus

WARNAKAN GAMBAR DI BAWAH MENURUT NOMBOR YANG DIBERIKAN.




1. Merah tua 2. Merah 3. Kuning 4. Merah jambu 5. Biru muda

Orang-orang Israel merungut kerana tidak ada makanan di gurun. Tuhan telah menurunkan daging burung puyuh dan manna untuk mereka. Bantu mereka untuk mencari jalan bagi mendapatkan makanan itu.



Isi tempat kosong dengan memilih jawaban yang tepat.



hidup lapar
roti haus
percaya

Bagi membaca pesanan Yesus pada gambar di bawah, tulis huruf SELEPAS abjad, contohnya No 1: Huruf selepas abjad Q ialah R. Maka jawaban kepada no 1 ialah R.



— 1 — 2 — 3 — 4 —
— 5 — 6 — 7 — 8 — 9 —

Hello adik-adik,

Pada minggu lalu, kita mendengar pembacaan Injil mengenai Yesus memberi makan kepada 5,000 orang.

Adakah orang-orang itu percaya bahawa Yesus adalah Mesias?

Malangnya tidak, mereka mengikuti Yesus kerana Yesus memberi mereka makan, bukan kerana ucapan atau pekerjaan Yesus.

Malah, mereka meminta tanda daripada Yesus untuk membuktikan Dia adalah Tuhan. Bukan itu sahaja, mereka juga mahu Yesus sentiasa memberikan mereka roti.

Yesus mengatakan bahawa Dia adalah Roti Hidup dan sesiapa yang datang kepada-Nya tidak akan lapar lagi!

Adik-adik, kita pada zaman moden ini mempunyai banyak kesempatan untuk mengenal Yesus.

Kita mempunyai Internet dan Kitab Suci untuk memperdalamkan pengetahuan kita tentang Yesus.

Dan, kita mempunyai perayaan Ekaristi di mana kita dapat makan Tubuh Yesus serta menguatkan rohani kita!

Salam Sayang
Antie Melly

BELIA MILENIUM

BELIA KATOLIK VIKARIAT BRUNEI BERGEMBIRA DALAM HARAPAN

BANDAR SERI BEGAWAN: Belia Katolik dari seluruh Negara Brunei Darussalam berkumpul untuk meraikan Hari Belia Vikariat (VYD 2) kali kedua di Gereja Our Lady of the Assumption (COLA) pada Julai 7-8 lalu.

Tema sambutan untuk acara dua hari itu, "Bergembira dalam Harapan", diilhamkan oleh pesan Sri Paus Fransiskus untuk Hari Belia Sedunia ke-38.

COLA yang menjadi tuan rumah bagi acara tahun ini, menerima salib Hari Belia Vikariat Brunei (VYD) dari Gereja St John (SJC), yang telah mengadakan VYD sulung mereka pada Julai 2023.

COLA mengalui-alukan 130 orang belia dari Gereja Our Lady of the Immaculate Conception (COOL) di Seria, SJC di Kuala Belait dan St Peter's Chapel (SPC) di Temburong. Semua peserta ditempatkan dengan keluarga angkat.

Fr Paul Shie, paderi paroki SJC dan ketua Kerasulan Belia, mengendalikan sepenuhnya acara itu dan merayakan Misa untuk dua hari perhimpunan tersebut.

Perayaan VYD kali kedua mengadakan pelbagai aktiviti seperti katekesis, pentakhtaan Alkitab, perarakan sepaduk, tarian, drama, persesembahan muzik, latihan bina semangat pasukan, Adorasi dan Jalan Salib, semuanya menekankan tema "Bersukacita dalam Harapan" (Roma 12:12).

Penceramah daripada COLA dan COOL mengetuai sesi katekesis dan menjadi penggalak kepada para belia untuk terlibat dalam perbincangan.



Jackie Liew dari COLA menyampaikan katekesis pertama, "Kristus Harapan Kita".

Sesi kedua bertajuk "Virtue of Hope" merupakan perbincangan dalam kumpulan mengikut umur dan dijalankan dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Penceramah lain ialah Eya Dollente dan Alister Dousip dari COLA serta Jennifer



Eliza Nyanggau dari COOL.

Salah satu acara kemuncak ialah Amazing Grace prayer stations di mana para peserta menulis doa dan kesyukuran mereka kepada Bonda Maria.

Sebuah intensi doa itu akan dibawa pada setiap hari Rabu semasa novena kepada Santa Maria Penolong Abadi di

COLA.

Hari Belia Vikariat Brunei ini diakhiri dengan Misa yang dipimpin oleh Fr Paul.

Selepas Misa, salib VYD telah diserahkan daripada wakil belia COLA kepada pemimpin belia COOL, melambangkan tuan rumah Hari Belia Vikariat berikutnya ialah COOL Seria pada tahun 2025.

Menghadirkan sinodaliti dalam era AI

VATIKAN: Dalam masa kurang dari setahun, Roma akan menganjurkan acara Jubli yang mengumpulkan misionari digital dan pempengaruhi Katolik dari seluruh dunia.

Pada Julai 28 dan 29, 2025, sejurus sebelum Jubli Belia, mereka yang berdedikasi untuk menginjil melalui media sosial akan bersidang untuk Jubli mereka sendiri. Ini akan menjadi pertemuan semula atau *reunion* bagi mereka yang pertama kali bertemu pada Hari Belia Sedunia di Lisbon pada tahun 2023.



Kardinal José Tolentino de Mendonça, Ketua Dikasteri untuk Budaya dan Pendidikan, berucap kepada pempengaruhi muda, semasa pertemuan pertama pempengaruhi media sosial bahawa "hari ini, Gereja memerlukan anda, untuk membawa harapan ke dalam ruang sosial baharu ini iaitu media sosial dan jaringan sosial."

Pada Julai 13, Aparecida telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Nasional Misionasi Digital pertama di Brazil.

Dalam acara tersebut Uskup Amilton Manoel da Silva dari Guarapuava, Brazil menekankan kepentingan perjalanan bersama, "kita sedang menjalani detik istimewa dalam Gereja, bersama Sri Paus Fransiskus yang menggesa kita untuk menjalani sinodaliti. Ini memerlukan setiap daripada kita untuk bersatu dengan Yesus dan sesama serta memupuk kesatuan di antara kita."

Prelatus itu menyatakan bahawa landskap digital hari ini menyediakan peluang unik dan besar untuk menyebarkan firman Tuhan seraya menggesa para misionari digi-



tal agar membantu Gereja membanteras sikap tidak peduli serta membantu umat Katolik menemui semula keajaiban Yesus Kristus dan Injil.

Sri Paus Fransiskus turut menggalakkan para misionari digital untuk melihat diri mereka sebagai sebuah komuniti iaitu

mengambil bahagian dalam kehidupan penginjilan Gereja, yang tidak pernah takut untuk meneroka ufuk dan sempadan baharu. Dengan kreativiti dan keberanian marilah menyerlahkan belas Kasihan Tuhan melalui platform media digital," ujar Sri Paus. — **media Vatikan**

Perlakukan rentak, ambil masa berdoa dalam pelayanan

VATIKAN: Selepas para pengikut-Nya melaporkan kepada Yesus tentang pencapaian mereka dalam melaksanakan misi, Yesus kemudian menyarankan mereka berehat, tetapi orang ramai sentiasa menanti mereka dan Tuhan menyatakan belas kasihan-Nya kepada mereka.

Bapa Suci menyampaikan hal ini semasa memimpin doa Angelus pada Julai 21, dari tingkap Istana Kepausan.

Sri Paus Fransiskus menekankan bagaimana jemputan Tuhan untuk berehat dan belas kasihan-Nya terhadap orang ramai ialah gabungan sikap yang perlu kita miliki.

Tuntutan dalam pelayanan boleh meletihkan, kata Sri Paus dan Yesus menunjukkan keprihatinan-Nya terhadap para murid apabila Dia melihat betapa lelahnya mereka.

"Ini ialah risiko yang sentiasa ada



Seorang kanak-kanak memegang rosari ketika Sri Paus Fransiskus melintasi para penziarah di Dataran Sto Petrus, pada June 19, bulan lalu. Gambar: Media Vatikan.

untuk kita hari ini juga, terutamanya apabila kita ghairah melakukan kerja-kerja misi.

Ini bagus tetapi kita boleh menjadi mangsa akibat aktiviti yang berlebi-

han, di mana kita terlalu fokus terhadap senarai dan tugas-tugas kita. Kita boleh menjadi cemas dan melupakan apa yang penting.

Bapa Suci mengingatkan, jangan

Kita perlu untuk memperlakukan rentak kita. Perlu berehat tetapi bukan bermakna malarikan diri dari pelayanan sebaliknya menyegarkan semula tubuh dan semangat kita untuk lebih aktif bertindak balas dengan penuh kepekaan dan belas kasihan terhadap orang-orang sekeliling kita.

Oleh itu, berehat dan berbelas kasihan dikaitkan, Sri Paus menjelaskan: "Hanya jika kita belajar bagaimana untuk berehat, kita boleh mempunyai belas kasihan."

Apabila hati kita tidak dikuasai oleh kebimbangan daripada sentiasa melakukan dan kita terbuka untuk menerima rahmat Tuhan melalui doa dan penyembahan, kita boleh benar-benar "mempunyai pandangan belas kasihan, yang tahu bagaimana untuk bertindak balas terhadap keperluan orang lain," jelas Sri Paus. — media Vatikan

Utusan Sri Paus tegaskan kepentingan Hari Minggu Misi

INDIANAPOLIS: Kardinal Luis Antonio Tagle, Pro-Prefek Dikasteri Penginjilan Vatikan dan Kardinal Christophe Pierre, Nunsio Apostolik ke Amerika Syarikat, menyeru untuk menghidupkan semula semangat penginjilan bagi membantu umat beriman di seluruh dunia yang benar-benar memerlukan.

Semasa Kongres Ekaristi Kebangsaan ke-10 di Indianapolis, Indiana, pada Julai 20, semasa majlis sambutan khas, para Kardinal menyampaikan material yang bakal digunakan tahun ini di kebanyakan Keuskupan Amerika Syarikat untuk mempromosikan Hari Minggu Misi Sedunia ke-98 pada Oktober 20.

Sri Paus Fransiskus memilih sebagai tema tahun ini untuk Hari itu,



Hari Minggu Misi amat penting bagi 1,150 wilayah yang memerlukan.

"Pergi dan Jemput Semua Orang ke Perjamuan."

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Persatuan Misi Kepausan di Amerika Syarikat (AS), Utusan Kepausan menekankan kepentingan hari Minggu Misi sebagai lebih daripada sekadar hari perjumpaan, sebaliknya sebagai peluang untuk memperbaharui komitmen Gereja terhadap penginjilan dan menyokong misi di seluruh dunia.

Melalui Kardinal Tagle, Sri Paus Fransiskus menyampaikan kepada semua uskup dan hadirin.

Kardinal Tagle menyampaikan asal-usul *Mission Societies*, yang diasaskan oleh kaum awam dan religius yang komited, untuk berkongsi Berita Baik tentang Yesus Sedunia ke-98 pada Oktober 20.

Sri Paus Fransiskus memilih sebagai tema tahun ini untuk Hari itu,

Kristus. "Mission Societies berakar umbi pada komitmen rohani yang mendalam untuk memperkenalkan Yesus," katanya.

Pelatus itu menekankan keperluan untuk menghidupkan semula semangat penginjilan dalam paroki, berkongsi maklumat tentang apa yang dilakukan oleh misionari di Asia, Afrika, Oceania, rantau Amazon, dan Vikariat Apostolik Amerika Latin yang kesemuanya berada di bawah jagaan Dikasteri untuk Penginjilan.

Kardinal Tagle mengajukan beberapa soalan untuk direnungkan: "Adakah kita berdoa untuk misi di paroki kita? Adakah kita berkongsi maklumat dengan ramai orang yang mahu mendengar Injil, atau adakah kita berasa sudah cukup untuk sekadar menyumbang koleksi kedua sempena Hari Minggu Misi?"

Kardinal Tagle juga berkongsi pengalamannya bahawa kebanyakannya 1,150 wilayah adalah bergantung pada Hari Minggu Misi Sedunia. Asia ialah benua paling ramai penduduk di dunia. Dua pertiga daripada penduduk dunia berada di Asia, tetapi hanya tiga peratus daripada populasi di Asia ialah Kristian.

— Media Vatikan

'Sahabat Caritas' Hong Kong cari dana melalui program TV



Program amal TV dianjurkan oleh Sahabat Caritas bagi menggumpul dana untuk golongan yang memerlukan.

HONG KONG: Rancangan amal TV yang dianjurkan oleh Sahabat Caritas telah mengumpul hampir HK\$10 juta (RM5.94 juta) baru-baru ini.

Rancangan Amal TV Caritas disiarkan di saluran *TVB Jade* pada awal bulan lalu dan jumlah sumbangan keseluruhan dijangka meningkat.

Dengan tema, "Beri Harapan Kepada Mereka," program amal itu dimulakan dengan upacara nyalaan cahaya yang dirasmikan oleh Kardinal Stephen Chow, S.J.

Menurut akhbar *Sunday Examiner*, program TV itu memaparkan testimoni daripada individu yang berhadapan dengan kemurungan, ketagihan, penyakit kronik dan isu keluarga.

Kisah-kisah itu disampaikan oleh

lima pengacara, termasuk pelakon dan penyanyi Liza Wang, di mana ia menonjolkan sokongan Caritas melalui unit pelayanannya seperti pusat khidmat keluarga bersepadu, perkhidmatan pemulihan dan pusat komuniti.

Rancangan amal TV itu turut menampilkan seorang pelukis yang karya seninya pernah dipamerkan di *Caritas Artland*.

Persembahan daripada beberapa penyanyi Hong Kong dan Orkestra Belia Milenium, di bawah arahan pemuzik Chiu Tsang-hei, telah menghiasi program TV tersebut.

Rancangan Amal TV itu disokong oleh 78 hotline derma yang ditaja oleh *Make The Right Call*. Saluran derma dan sumbangan akan terus dibuka sehingga akhir September tahun ini. — LiCASnews

Olimpik, platform promosi gencatan senjata

ROMA: Sri Paus Fransiskus menyatakan harapannya agar Sukan Olimpik dan Paralimpik di Paris pada Julai 26 hingga Ogos 11 ini, memberi peluang kepada negara-negara yang berperang untuk menghormati tradisi Yunani kuno dan melaksanakan gencatan senjata sepanjang temasya sukan antarabangsa itu.

Bapa Suci berkata demikian semasa memimpin doa Angelus pada Dataran Sto Petrus pada Julai 21 lalu.

"Semoga Sukan Olimpik ini, menjadi peluang untuk

mewujudkan gencatan senjata dalam perperangan, memupuk semangat kehendak yang ikhlas untuk keamanan," katanya.


Tegasnya, "Sukan juga mempunyai kuasa sosial yang hebat, mampu menyatukan orang dari pelbagai budaya secara aman."

"Saya berharap acara ini boleh menjadi petanda kepada dunia inklusif yang kita mahu bina dan melalui testimoni sukan mereka, para atlet dapat menjadi pembawa pesan keamanan dan teladan bagi golongan muda," katanya.

Tradisi "Gencatan Senjata

semasa Olimpik" pada asalnya bertujuan untuk membenarkan penyertaan yang selamat ketika Sukan Olimpik kuno berlangsung, agar semua atlet dan penonton dari negara kota Yunani selamat kerana mereka selalu terlibat dalam konflik antara satu sama lain.

Pada 1990-an, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa memutuskan untuk menghidupkan semula konsep Gencatan Senjata Olimpik dengan tujuan melindungi kepentingan atlet dan sukan sekaligus memanfaatkan kuasa sukan untuk menggalakkan keamanan, dialog dan



perdamaian secara lebih meluas.

Seerti biasa, Sri Paus Fransiskus tidak lupa meminta doa untuk keamanan.

"Jangan kita lupakan Ukraine

yang terluka, Palestine, Israel, Myanmar dan negara-negara lain yang berperang. Jangan kita lupa, perang ialah kekalahan!" kata Sri Paus Fransiskus. — media Vatikan

Pesta jubli perak pertama, dua religius Putri Karmel di Sabah



TAMBUNAN: Dua orang religius dari kongregasi Perti Karmel, Sr Maximilliane Soon dan Sr Mary Eugenia menyambut perayaan jubli perak mereka sebagai religius.

Mereka berdua merupakan sister Putri Karmel pertama di Sabah yang merayakan jubli perak.

Misa Kudus sempena ulang tahun ke-25 mereka sebagai religius ini diraikan pada Julai 20, 2024 di Pertapaan Karmel, Kaingaran, Tambunan Sabah.

Uskup Cornelius Piong menjadi selebran utama perayaan Ekaristi ber-

sama Uskup Katolik Syro-Malankara iaitu Uskup Dr Joshua Mar Ignatius dari Keuskupan Mavelikara, India, para paderi keuskupan dan paderi *Carmeliteae Sancti Eliae* (CSE).

Pada hari itu juga, dua orang religius Putri Karmel dan seorang Brother CSE, melaafazkan kaul pertama mereka.

Mereka ialah Sr Mary Giselle dari Kota Marudu, Sr Bertilla Marie dari Tenom dan Brother Francisco Faustino dari Ranau.

Kardinal Sebastian Francis dari Pulau Pinang turut menghantar ucapan tahniah kepada Sr Maximilliane dan Sr Eugenia.

Putri Karmel telah diterima di Keuskupan Pulau Pinang untuk menubuhkan Rumah Religius mengikut Hukum Kanonik 609 pada tahun lalu.

“Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Putri Karmel dan Kongregasi CSE kerana mengongsikan karisma Bapa Pendiri mereka, Romo Yohanes Indrakusuma CSE, pemberian terindah untuk Keuskupan Pulau Pinang,” kata Kardinal Sebastian.

Kongregasi Putri Carmel ditubuhkan pada Ogos 10, 1997, secara rasmi di Keuskupan Keningau.

Perkongsian panggilan Sr Maximilliane Soon P.Karm Kekuatan Tuhan melangkaui kejahatan dan penyakit

Ivy Soon Siew Yun atau Sr Marie Maximilliane Soon (Sr Maxim), dilahirkan pada Mei 8, 1967 di Kota Kinabalu.

Semasa bayi dan zaman kanak-kanaknya, Sr Maxim mempunyai pengalaman yang cukup getir. Ketika masih berada dalam rahim ibunya, ibunya jatuh sakit dan cuba menggugurnya. Tetapi kekuatan Tuhan tiada tandingannya dan ‘bayi’ itu selamat.

Ini tidak bermakna Sr Maxim dibenci sebaliknya Tuhan menumbuhkan perasaan sayang terhadap si kecil Sr Maxim sehingga ibunya berhasrat apabila dewasa kelak, Sr Maxim akan menjadi penjaga utamanya.

Sr Maxim juga mengongsikan semasa kecil, dia pernah terjatuh teruk mengakibatkan lidahnya terkoyak. Tuhan lebih berkuasa dari kejahatan dan penyakit. Lidah Sr Maxim pulih sendiri, meskipun mengambil masa yang lama dan peristiwa ini seolah-olah menjadi tanda, dia akan mewartakan kebaikan tuhan hingga ke hujung dunia.

Kisah panggilan Sr Maxim bermula

semasa beliau belajar di Sekolah Menengah. Sr Maxim dipelawa oleh rakan sekelasnya untuk menghadiri *Inter School Christian Fellowship* (ICF) di Gereja St Simon, Likas.

Melalui program itu, Sr Maxim disenntuh oleh Tuhan melalui lagu-lagu rohani, sebuah sentuhan yang amat kudus sehingga dia merasakan kekosongan dalam diri-Nya.


Bermula dari pengalaman itu, Sr Maxim mahu mencari Tuhan tetapi menetapkan syarat “perlu tunggu sehingga peperiksaan Tingkatan 5 tamat”!

Semasa belajar di Tingkatan Enam Rendah, Sr Maxim menyertai Seminar Hidup Baru dalam Roh di Katedral Sacred Heart meneguhkan kepastiannya untuk menyahut panggilan.

Selepas menyambung pengajian dan bekerja beberapa tahun di Ranau, panggilan itu menjadi lebih kuat sehingga beliau tidak dapat menolak lagi.

Akhirnya pada Februari 1997, setelah meninggalkan pekerjaannya sebagai guru, beliau menjadi postulan Putri Karmel di Ngadireso, Malang, Indonesia.

“Aku hendak bersyukur kepada-Mu, ya Tuhan, dengan segenap hatiku dan memuliakan nama-Mu untuk selama-lamanya; sebab kasih setia-Mu besar atas aku (Mazmur 86: 12-13) — Tema perayaan Jubli Perak Sr Maximilliane Soon dan Sr Mary Eugenia.



Sr Maxim bergambar bersama salah seorang pengunjung biara P.Karm.

Keputusan ini tidak mudah apatah lagi sebelum menyertai kongregasi P. Karm, Sr Maxim pernah mengalami kemalangan dahsyat yang hampir meragut nyawanya.

Pada Julai 20, 1997, ketika masih seorang novis, Sr Maxim bersama enam orang sister yang lain memulakan komuniti Putri Karmel yang pertama di Malaysia iaitu di Tipoh, Tenom.

Dengan rahmat dan belaskasihan Tuhan, Sr Maxim melaafazkan Kaul Pertama pada Julai 27, 1999 di Tipoh iaitu 25 tahun yang lalu.

Kemudian, Sr Maxim diutus oleh kongregasinya ke Roma untuk belajar selama empat tahun.

Setelah itu, Sr Maxim mengikrarkan Kaul Kekal pada September 7, 2023 dan menjadi anggota tetap Putri Karmel.

PENULIS BERKICAU

Membasmi kemiskinan, hanya ilusi?

Realiti yang menyediakan di sebalik pemandangan indah Malaysia dan penduduknya yang mesra ialah: terlalu ramai yang hidup dalam kemiskinan buatan manusia.

Pandemik Covid-19 memberi impak yang sangat besar kepada ekonomi negara hingga wujudnya golongan miskin baharu secara mendadak. Kadar kemiskinan mutlak nasional juga meningkat kepada 8.4 peratus (%) pada tahun 2020.

Pandemik terus menjelaskan isi rumah miskin kerana mereka yang terlibat dalam bidang berkemahiran rendah dan sektor tidak formal mudah terdedah kepada kehilangan pekerjaan. Secara umumnya, Malaysia telah mencapai kejayaan besar dalam usaha pembasmi kemiskinan dan peningkatan taraf kehidupan rakyat.

Ini dapat dilihat daripada penurunan kadar kemiskinan mutlak di peringkat nasional iaitu 49.3 peratus daripada keseluruhan isi rumah pada tahun 1970 kepada 5.6% pada tahun 2019.

Namun, masih wujud kelompok kemiskinan di lokaliti bandar dan luar bandar. Kadar kemiskinan tegar pula telah berjaya diturunkan hampir sifar iaitu 0.4% pada tahun 2019.

Miskin tegar merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan di bawah RM1,169 sebulan berdasarkan kos pembelian makanan bagi isi rumah dengan empat ahli keluarga.

Miskin mutlak merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan di bawah RM2,208 sebulan berdasarkan kos pembelian makanan dan barang asas bagi isi rumah dengan empat ahli keluarga.

Kemelut kemiskinan paling besar adalah dalam kalangan Bumiputera apabila mencapai kadar kemiskinan mutlak 7.2% berbanding etnik Cina 1.4% dan India sebanyak 4.8%.

Kadar kemiskinan masyarakat orang asli berada pada 33.6%, Bumiputera di Sabah sebanyak 22.7% manakala di Sarawak pula adalah 11.2%. Namun saya pasti, jumlah kadar kemiskinan ini tidak termasuk berjuta-juta bukan warganegara seperti pendatang, pelarian, orang tanpa kerakyatan dan rakyat Malaysia tidak berdaftar, yang secara sistematis dikecualikan daripada angka kemiskinan rasmi, diabaikan oleh penggubal dasar dan terkeluar dari senarai perkhidmatan asas.

Begitu juga, dengan masyarakat orang asli dan Orang Asal di negara ini mempunyai kadar kemiskinan yang jauh lebih tinggi daripada populasi umum.

Orang asli juga “mengalami pencabulan hak mereka secara meluas, pengagihan tanah mereka dan dikecualikan daripada sokongan sosial.”

Kerajaan Malaysia banyak membantu rakyatnya, misalnya pada tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM 8 billion di bawah inisiatif Sumbangan Tunai Rahmah (STR), melibatkan 8.7 juta penerima STR di seluruh negara.

Namun, sehingga bila kita menunggu bantuan kerajaan. Pada pendapat saya, usaha memperkasa rakyat dengan pendidikan dan kemahiran yang relevan dapat memecahkan kitaran kemiskinan/poverty-cycle yang selalunya turun-temurun, dari generasi ke generasi.

Sri Paus Fransiskus memuji orang-orang yang suka menderma tetapi berpesan, memberi kepada orang lain yang miskin adalah sangat baik. Tetapi jangan setakat memberi, bantu dan sentuhlah kemiskinan mereka dengan tangan dan hati kita.

Saya boleh merumuskan kata-kata Sri Paus ini dalam ayat popular bahasa Inggeris, *Give a man a fish, and you feed him for a day; teach a man to fish and you feed him for a lifetime.*

UNTUK PEMIMPIN POLITIK: Marilah kita berdoa agar pemimpin politik berkhidmat untuk rakyat mereka sendiri, bekerja untuk pembangunan insan dan kebaikan bersama, menjaga mereka yang kehilangan pekerjaan dan memberi keutamaan kepada golongan miskin.

Ogos 4, 2024

Perhimpunan CBCMSB ke-114 di Keuskupan Keningau

KENINGAU, Sabah: Perhimpunan Pleno Ke-114 Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei (CBCMSB) tahun ini telah diadakan di Pusat Ziarah Keluarga Suci Nulu Sosopon, Keningau.

Tempat ini dipilih bertepatan dengan sambutan ulang tahun ke-75 Uskup Cornelius Piong, uskup pertama Keuskupan Keningau.

Dalam ucapannya kepada CBCMSB, Nunsio Apostolik ke Malaysia, Uskup Agung Wojciech Załuski, mengumumkan dua pemberitahuan terbaru dari Vatikan iaitu pewartaan norma-norma untuk prosiding dalam membezakan fenomena ghaib dan pengumuman Tahun Jubli 2025.

Uskup Agung Wojciech mengingatkan CBCMSB tentang Pembukaan Pintu Suci Basilika Sto Petrus pada Disember 24, 2024, dan pembukaan pintu Katedral Basilika St John Lateran oleh Sri Paus Fransiskus pada Disember 29, 2024.

Prelatus itu juga menegaskan bahawa teks liturgi untuk Misa Tahun Suci dan dekri mengenai pemberian Indulgensi Jubli, telah disediakan oleh Dikasteri untuk Penginilan.

Kemudian, setiap uskup memberi maklumat terkini kepada Nunsio mengenai isu-isu keuskupan mereka.

Fr David Garaman, dari Keuskupan Sandakan, yang dicalonkan oleh CBCMSB untuk menghadiri pertemuan para paderi paroki sedunia untuk Sinode, yang telah berlangsung di Roma dari April 28 hingga Mei 2, 2024, memberikan perkongsian pengalamannya sepanjang menghadiri perhimpunan itu.

Paderi itu mengatakan perhimpunan itu mengungkapkan rasa terima kasih yang mendalam kepada semua paderi atas dedikasi mereka yang tidak berbelah bahagi, komitmen yang tidak terhingga, kesetiaan dan semangat dalam memajukan misi suci yang diamanahkan oleh Tuhan”.

Salah satu perbincangan penting dalam mesyuarat CBCMSB ialah perhimpunan pastoral serantau (RPA) yang dijadualkan pada Ogos 25-27 di Plentong, Johor Bahru; Sept 17-20, 2024 di Sibu dan Mei 11-12, 2025 di Kota Kinabalu.

Selepas RPA, Gereja di Malaysia akan menantikan Konvensyen Pastoral Malaysia



yang dijadualkan pada September 9-13, 2026.

Satu lagi perkara yang dibincangkan dengan panjang lebar ialah lawatan Sri Paus Fransiskus ke Singapura dari September 11-13, 2024.

Kardinal William Goh, Uskup Agung Singapura, memaklumkan tema dan logo rasmi lawatan Sri Paus ialah “Perpaduan dan Harapan”.

Kardinal William menegaskan bahawa keselamatan adalah ketat.

Misa bersama Sri Paus Fransiskus mengumpulkan lebih daripada 50,000

hadirin yang terdiri daripada kardinal, uskup termasuk para uskup dari Roma, Federasi para uskup Asia, CBCMSB, religius, media antarabangsa dan serantau, pegawai kerajaan Singapura, diplomat, kumpulan ekumenikal, dan umat awam.

Seterusnya, pelbagai Komisi Episkopal CBCMSB membentangkan laporan masing-masing.

Selain mesyuarat, para Uskup juga berpeluang melawat radio dalam talian Keuskupan Keningau iaitu “Kekitaan” serta ke Kg Tatai untuk majlis kebudayaan dan persaudaraan bersama umat di sana.



KSFX anjur program pastoral menuju MPC 2026

Antara pesan utama itu ialah:

- perlunya Gereja memahami setiap keluarga dan individu dengan semua kerumitan yang mereka hadapi.
- seruan Sri Paus yang mengajak se-

mua anggota keluarga untuk secara baik menjalani kehidupan Kristiani.

- pendirian tegas Gereja dalam hal perkahwinan.

Kemudian, para peserta dibahagikan

mengikut zon bagi mengupas isu-isu keluarga yang dihadapi di kawasan mereka.

Antara isu yang diutarakan adalah seperti ekonomi keluarga yang terganggu disebabkan Gereja menjalankan jualan tiket bertuah atau kutipan derma serta pertelingkahan dalam keluarga sehingga menyebabkan keluarga tersebut tidak bersemangat menghadiri Misa Kudus setiap hari Minggu.

Selepas pembentangan setiap kumpulan, Sr Evelyn memberikan beberapa cadangan tentang apa yang boleh dilakukan di setiap zon atau komuniti agar dapat mempromosi keluarga Kristian yang harmoni dan damai.

Program Pastoral Menuju MPC ini diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius. — *Juanis bin Marcus*

KAGAPE 2024 di CDM, bawa tema “Inkulturasi, Inklusiviti”

SHAH ALAM: Sambutan Pesta Kaamatan, Gawai dan Panen 2024 (KAGAPE 2024) dengan tema, “Inkulturasi, Inklusiviti, Komuniti” telah diraikan pada Julai 14, 2024.

Acara ini dimulakan dengan Tamu KAGAPE dengan mempraktikkan amalan Laudato Si sebagai inisiatif untuk mengurangkan penggunaan plastik.

KAGAPE dalam Bahasa Malaysia telah dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong dari Keuskupan Keningau.

Turut membantu Uskup Cornelius di altar ialah Paderi Paroki Divine Mercy (CDM) Fr George Harrison, serta mantan Paderi Paroki CDM, Fr Simon Labrooy dan Fr Paulino Miranda.

Dalam homiliinya, Uskup Cornelius meneckankan pentingnya budaya dalam mengungkapkan iman kita.

Katanya, “Cara dan bahasa kita, tarian dan nyanyian — semua ini adalah pemberian Tuhan yang perlu kita gunakan untuk sentiasa bersyukur dan berbangga dengan identiti kita.”

Prelatus itu juga menekankan bahawa



inklusif adalah sifat Tuhan yang kita juga harus praktikkan dalam Gereja.

“Untuk membangun umat yang bersifat komuniti maka perlu menghidupkan sikap ambil peduli dan sentiasa setia kepada Kristus,” kata Uskup Cornelius dalam menghuraikan pentingnya makna tema KAGAPE tahun ini.

Antara keunikan perayaan kali ini, kesemua umat yang hadir telah diberi benih tumbuhan sayuran sebagai cenderahati.

Pemberian benih tersebut melambangkan benih Sabda yang ditaburkan dalam hati para umat beriman.

Benih-benih itu diberkati bersama Kitab Suci, bersempena dengan sambutan bulan Kitab Suci.

Sebelum berkat perutusan, pemberkatan peperiksaan akhir semester telah diadakan bagi para pelajar Catholic Varsity Students (CVS) UiTM dan lain-lain IPTA/IPTS.

Selepas Misa, majlis diteruskan di Dewan Sta Faustina di mana para paderi dan umat dipersembahkan bukan sahaja pementasan kebudayaan dari Malaysia Timur tetapi juga persembahan dari kerjasulan Bahasa Cina dan Kerjasulan Bahasa Tamil.

Pelayanan Migran SHJ taraw kelas percuma Bahasa Malaysia untuk migran

KUALA LUMPUR: Komiti Pelayanan Migran Gereja *Sacred Heart of Jesus* (SHJ), dengan kerjasama Kerasulan Bahasa paroki, menyediakan kelas Bahasa Malaysia percuma untuk pelajar migran berumur 16 tahun ke atas.

Inisiatif ini bertujuan untuk membantu pelajar membuat persediaan untuk melanjutkan pelajaran di *Montfort Boys Town*.

Kelas yang bermula pada pertengahan bulan Mei itu, diadakan setiap minggu di SHJ.

Program ini memberi tumpuan kepada meningkatkan kemahiran pelajar dalam menulis, membaca dan bertutur dalam Bahasa Malaysia.